

Bil. S 36

**AKTA PENYALAHGUNAAN DADAH
(PENGAL 27)**

**PERATURAN-PERATURAN PENYALAHGUNAAN DADAH
(PINDAAN), 1998**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (1) bab 34 dari Akta Penyalahgunaan Dadah, maka Menteri dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut –

Gelaran. 1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Penyalahgunaan Dadah (Pindaan), 1998.

Pindaan Jadual Pertama. 2. Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Penyalahgunaan Dadah, dalam Peraturan-Peraturan ini disebut sebagai Peraturan-Peraturan utama, adalah dipinda, dalam perenggan kecil (2) perenggan 1, dengan memasukkan "dextropropoxyphene," sejurus selepas "codeine," dalam baris kedua.

Pindaan Jadual Kedua. 3. Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda –
(a) dalam perenggan 1, dengan memasukkan "Alfentanil" sejurus selepas "Acetorphine" ;
(b) dalam perenggan 6, dengan memasukkan "Dextropropoxyphene" sejurus selepas "Dexamphetamine".

Pindaan Jadual Keempat. 4. Jadual Keempat kepada Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda, dalam perenggan 1, dengan –
(a) memasukkan "Cathinone" sejurus selepas "Cannabis and cannabis resin" ;
(b) menambah "2, 5-Dimethoxyamphetamine

Dimethoxybromoamphetamine (DOB)
Eticyclidine
Methadone intermediate
Methylenedioxyamphetamine (MDA)
Moramide intermediate
Paramethoxyamphetamine (PMA)
Pethidine intermediate A
Pethidine intermediate B

Pethidine intermediate C
Rolicyclidine of PHP or PCPY
Tenocyclidine or PCP or its salts'',

sejurus selepas ''2, 5-Dimethoxy-a, 4-dimethylphenethylamine''.

Diperbuat pada hari ini 8 haribulan Jamadilakhir Tahun Hijrah 1419
bersamaan dengan 29 haribulan September, Tahun Masihi 1998.

PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN
Setiausaha Tetap,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.